



ZURAIIDA (depan, Kiri) bersama Guan Eng (depan, kanan) hadir pada Mesyuarat Kumpulan Fokus Belanjawan 2020 di KPKT, Putrajaya semalam.

Ansuran rumah mampu milik kurang 20 peratus

PUTRAJAYA - Bayaran ansuran bulanan bagi peminjam di bawah Dana Rumah Mampu Milik dijangka dapat dikurangkan sebanyak 20 peratus dengan kelonggaran syarat yang diberikan terhadap pemohon dana itu.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng memberitahu, bermula 1 September ini katanya, skim Dana Rumah Mampu Milik berjumlah RM1 bilion seliaan Bank Negara Malaysia dilonggarkan untuk pembeli yang berpendapatan kurang RM4,360 sebulan untuk membeli rumah berharga di bawah RM300,000.

Sebelum ini, dana itu disediakan untuk membaritu mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM2,300 sebulan untuk membeli rumah di bawah harga RM150,000.

"Pemohon yang berjaya akan menikmati kadar faedah yang rendah pada 3.5 peratus setahun dengan tempoh pinjaman sepanjang 40 tahun. Kita

harap dengan kelonggaran ini, lebih mudah untuk pembeli mendapat pinjaman," katanya dalam sidang akhbar bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin semalam.

Sebelum itu, dua menteri berkenaan menghadiri mesyuarat kumpulan fokus Belanjawan 2020 perumahan mampu milik di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini.

Guan Eng berkata, pemohon juga akan mendapat pengecualian duti setem ke atas perjanjian jual beli dan perjanjian jualan.

Zuraida dalam pada itu berkata, enam skim pembiayaan perumahan termasuk Skim Perumahan Belia dan 'rent-to-own' dijangka dapat dilancarkan pada Oktober ini.

Beliau berkata, skim-skim tersebut kini sedang dimuktamadkan termasuk mengenai penglibatan bank dan institusi kewangan. - Bernama